



Ekonomi negara dijangka perlahan 6 bulan ke hadapan

Ekonomi Malaysia dijangka menyederhana beberapa bulan ke hadapan pada tahun 2023, walaupun berdepan risiko kelambapan ekonomi global.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, unjuran itu dibuat berdasarkan Indeks Pelopor (IP) Malaysia, alat yang digunakan untuk mengukur kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan menyusut 0.4 peratus kepada 110.5 mata pada November 2022 berbanding 110.9 mata pada November 2021.

Beliau berkata, penurunan ini disebabkan oleh penawaran wang benar M1, indeks perusahaan Bursa Malaysia, bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan, jangkaan nilai jua-

lan, pembuatan dan bilangan syarikat baru didaftar.

“Sebaliknya, prestasi bulanan IP pula mencatatkan peningkatan sebanyak 0.8 peratus pada November 2022 berbanding negatif 0.3 peratus pada bulan sebelum.

“Trend ini didorong oleh jangkaan nilai jualan, pembuatan (0.3 peratus), import benar logam asas berharga & logam bukan ferus lain (0.3 peratus), bilangan syarikat baru didaftar (0.2 peratus), import benar semikonduktor (0.1 peratus) dan penawaran wang benar M1 (0.05 peratus),” katanya sambil menambah bahawa melihat kepada arah aliran jangka panjang terlicin pada November 2022, IP kekal mencatatkan arah aliran di bawah trend 100.0 mata.

Indeks Serentak meningkat

Jabatan Perangkaan Malaysia semalam menerbitkan Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan Bagi November 2022.

Bagi kedudukan ekonomi semasa pula, Mohd Uzir berkata, Indeks Serentak (IS) mencatatkan peningkatan 5.5 peratus tahun ke tahun kepada 120.6 mata pada November 2022.

“Perubahan bulanan IS juga mencatatkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus yang disokong oleh indeks pengeluaran perindustrian (0.2 peratus), gaji & upah benar, pembuatan, (0.1 peratus), jumlah guna tenaga, pembuatan (0.04 peratus) dan nilai caruman benar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak 0.02 peratus,” katanya.